# Telaga tiub tangani masalah bekalan air

Oleh Mohd Amin Jalil - Januari 3, 2022 @ 4:14pm
bhnews@bh.com.my




Nasir (empat dari kanan) bersama kepemimpinan MPKK Kampung Si Rusa, Port Dickson di hadapan telaga tiub yang dibina bagi mengatasi masalah bekalan air. - NSTP/MOHD AMIN JALIL

PORT DICKSON: Masalah terputus bekalan air yang kerap dialami kira-kira 350 keluarga di Kampung Baru Si Rusa di sini, diatasi dengan pembinaan sebuah telaga tiub, baru-baru ini.

Penyelaras Dewan Undangan Negeri (DUN) Bagan Pinang, Nasir Raman, berkata projek telaga tiub itu adalah inisiatifnya bersama Majlis Permuafakatan dan Komuniti Kampung (MPKK) kampung terbabit.

Katanya, ia sebagai alternatif mengatasi masalah bekalan buat penduduk di kampung berkenaan.

"Mereka sering terputus bekalan air jika loji pembersihan di Sungai Linggi ditutup akibat pencemaran, kerosakan atau banjir.

DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Pekan Lukut dinaiki air, tiada PPS dibuka**
- **Penduduk Rumah Panjang Keniong Lama rayu air bersih**
- **Taufan Rai ragut lebih 400 nyawa di Filipina**
- **Pekan Linggi lumpuh, banjir terburuk sejak 50 tahun**

"Sebagai contoh, apabila berlaku banjir di Linggi pada 18 Disember lalu, loji pembersihan air terpaksa ditutup bagi mengelak pencemaran.